

Pengasas RHB Bank, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dilantik Pro Canselor UTeM

Oleh [Latifah Arifin](#) - Ogos 7, 2024 @ 7:35pm
latifah@bh.com.my



Tokoh korporat yang juga pengasas Kumpulan Perbankan RHB, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dilantik sebagai Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KUALA LUMPUR: Tokoh korporat yang juga pengasas Kumpulan Perbankan RHB, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dilantik sebagai Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkuat kuasa 1 Mei lalu hingga 30 April 2027.

UTeM dalam satu kenyataan memaklumkan penyampaian watakah pelantikan Abdul Rashid disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Mohd Ali Rustam selaku Canselor UTeM, semalam.

"Tokoh korporat yang juga pengasas Kumpulan Perbankan RHB, Tan Sri Abdul Rashid Hussain dilantik sebagai Pro Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkuat kuasa 1 Mei 2024 sehingga 30 April 2027.

"Pelantikan Abdul Rashid selari dengan momentum kecemerlangan UTeM yang terus menempa pelbagai kejayaan gemilang dalam negara dan turut mengharum di persada dunia," katanya.

Menurut kenyataan itu, Abdul Rashid sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga dan pengerusi pertama Jawatankuasa Eksekutif Khazanah Nasional Berhad dari tahun 1994 hingga 1998.

Beliau juga pernah mencurahkan khidmat sebagai Pengerusi Putrajaya Holdings dari 1995 hingga 2000.

Tokoh itu juga pernah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Malaysian Airline System Berhad dari 1993 hingga 1997 dan Cycle & Carriage Bintang Bhd dari 1993 hingga 2008.

Beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH) yang baharu bermula Disember 2023.